



# SIARAN MEDIA

## PERTANDINGAN VIDEO STRATA 2025 PERKASA KESEDARAN KOMUNITI BERSTRATA

---

**PUTRAJAYA, 4 Julai 2025** - Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Jabatan Perumahan Negara mengajak seluruh rakyat Malaysia menyertai **Pertandingan Video Strata 2025 yang akan berlangsung dari 1 Julai hingga 22 Ogos 2025.**

Dengan tema “**Pengurusan Strata: Strata Berkualiti, Kejiranan Harmoni**”, pertandingan ini bertujuan meningkatkan kesedaran masyarakat tentang kepentingan pengurusan strata yang baik demi kesejahteraan hidup berjiran dan komuniti yang harmoni.

Selaras dengan aspirasi pendigitalan kerajaan dan penggunaan media sosial yang semakin meluas, penghasilan video dilihat dapat membantu dalam menyebarkan maklumat dan informasi berkaitan pengurusan dan penyenggaraan bangunan strata secara menyeluruh. Selain itu, ia juga bertujuan memperkasa kesedaran komuniti strata serta pemahaman mengenai tanggungjawab sebagai penghuni pemajuan berstrata selaras dengan Akta Pengurusan Strata 2013 [Akta 757].

Terdapat **dua (2) kategori pertandingan** iaitu **video animasi/pendek** dan **video tiktok**. Penyertaan adalah terbuka kepada semua warganegara Malaysia berumur 18 tahun ke atas, sama ada secara individu atau berkumpulan. Durasi video mestilah antara 1 hingga 3 minit, bersifat asli dan tidak menyentuh isu sensitif. Penyertaan akan dinilai dari segi kesesuaian tema dan mesej utama video, kreativiti dan keaslian karya serta kualiti video yang dihasilkan.

Bagi kategori TikTok, penyertaan mestilah menggunakan akaun awam, mengikuti akaun rasmi @KPKT\_Malaysia dan @unit korporat JPN, serta menggunakan hashtag rasmi seperti #StrataKPKT2025, #Strata2025TTContest, #StrongerTogether, #UnityInDiversity

dan #DemiPertiwi.

Pemenang Pertandingan Video Strata 2025 bagi **kategori video pendek/animasi**, pemenang tempat pertama akan menerima wang tunai berjumlah RM8,000.00. Pemenang tempat kedua akan menerima wang tunai berjumlah RM6,000.00 dan pemenang tempat ketiga pula akan menerima wang tunai berjumlah RM4,000.00. Manakala tujuh (7) orang pemenang saguhati akan menerima wang tunai berjumlah RM500.00.

Bagi **kategori video tiktok** pula, pemenang tempat pertama akan menerima wang tunai berjumlah RM1,000.00. Pemenang tempat kedua akan menerima wang tunai berjumlah RM700.00. Bagi pemenang tempat ketiga pula akan menerima wang tunai berjumlah RM500.00 manakala lima (5) orang pemenang saguhati akan menerima wang tunai berjumlah RM250.00.

Untuk keterangan dan maklumat lanjut berhubung pertandingan ini, layari [www.kpkt.gov.my](http://www.kpkt.gov.my) atau media sosial KPKT (Facebook, Instagram, dan Tiktok) atau hubungi sekretariat pertandingan di talian 03-8891 4214 / 4315.

**#MalaysiaMADANI**  
**#StrongerTogether**  
**#DemiPertiwi**  
**#UnityInDiversity**

---

*Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan (8) Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PLAN Malaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).*

*Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat  
b.p. Ketua Setiausaha  
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan  
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : [media.ukk@kpkt.gov.my](mailto:media.ukk@kpkt.gov.my)*

